

AMP rintis bantuan tuntas bagi pelajar

Program menyeluruh
sasar peringkat
pencapaian murid
sekolah rendah

► **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) sedang merintis sebuah program menyeluruh bagi murid sekolah rendah dan keluarga mereka demi mempertingkatkan pencapaian pendidikan murid.

Program melibatkan penjagaan sebelum dan selepas sekolah, bantuan tuisyen untuk murid berisiko tinggi juga merangkumi sokongan sosial dan bantuan kewangan kepada keluarga murid berkenaan.

Butiran program itu didedahkan pengarah Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), Dr Mohd Shamsuri Juhari, di seminar Masyarakat Dalam Semakan (CIR) semalam.

Seminar anjuran AMP dan Rima (sayap penyelidikan AMP) yang berlangsung di Hotel Orchard, mengupas isu pencapaian pendidikan pelajar Melayu/Islam.

Membentangkan kajian yang dijalankan Rima, Dr Shamsuri berkata pelbagai usaha telah dilaksanakan badan-badan Melayu/Islam untuk meningkat pencapaian pendidikan pelajar Melayu/Islam.

Ini termasuk mengendalikan kelas tuisyen, program motivasi dan bimbingan.

"Biar pun terdapat pelbagai usaha murni yang dijalankan sejak 30 tahun lalu, kita perlu akui kita telah mencapai beberapa kemajuan, namun hasilnya tidak setinggi yang kita harapkan," kata Dr Shamsuri.

Misalnya, dalam 2011 satu daripada 10 murid Melayu/Islam gagal dalam Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Sekitar 85 peratus pelajar Melayu berjaya ke sekolah rendah namun angka itu rendah berbanding 95 peratus pelajar kaum lain.

Dalam pada itu, 25 peratus pelajar

kaum lain berjaya ke universiti berbanding 5 peratus pelajar Melayu/Islam.

Memandang ke depan AMP melihat perlunya mengadakan program menyeluruh untuk membantu pelajar berisiko tinggi mempertingkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Di bawah program perintis yang dikendalikan Mercu Learning Point (sayap pendidikan dan latihan AMP), murid-murid yang menghadapi masalah seperti sering ponteng sekolah, lemah dalam pelajaran atau kurang sokongan keluarga, akan dikenal pasti dan diberi sokongan intensif dan secara peribadi.

Sejak dimulakan lewat tahun lalu, AMP telah bergabung dengan sebuah sekolah di kawasan selatan untuk membantu lapan murid dan keluarga masing-masing.

Selain Dr Shamsuri, seminar itu turut menampilkan pensyarah Institut Pendidikan Nasional (NIE), Profesor Madya Jason Tan, yang memberi pengamatannya tentang kesan lanskap pendidikan negara ke atas masyarakat Melayu/Islam.

Beliau mendapati sistem aliran akademik yang diperkenalkan pada tahun 1980-an telah menghasilkan lapangan yang tidak setara.

Menurutnya, ramai pelajar yang melalui sistem aliran dalam 1980-an dan 1990-an, kini sudah menjadi ibu bapa kepada anak-anak yang sedang bersekolah.

"Namun peratusan besar pelajar Melayu ketika itu disalurkan ke dalam aliran yang kurang berprestij. Oleh itu mereka kini kurang mahir dalam mempersiapkan anak-anak mereka untuk melalui sistem pendidikan masa kini yang semakin kompleks," ujar beliau.

Ditemui selepas seminar itu, pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata pendidikan akan terus menjadi cabaran bagi masyarakat Melayu/Islam.

"Saya rasa kita perlu meneroka strategi baru dan pendekatan baru untuk menghasilkan kemajuan tinggi dalam pendidikan."

"AMP akan terus meneroka program baru seperti program menyeluruh di sekolah dan sedia bergabung dengan badan-badan lain demi mengelak duplikasi demi membantu pelajar kita," kata beliau.